

01/11/1998

Tempoh pulang pendedatang dilanjut

MELAKA: Kerajaan bersetuju melanjutkan tempoh program pengampunan bagi pendedatang tanpa izin yang ingin pulang ke negara asal sehingga 15 November ini.

Ketika mengumumkannya, Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Tajol Rosli Ghazali, berkata keputusan itu dibuat atas dasar simpati dan semangat Asean.

Katanya, walaupun tempoh dua bulan yang diberikan sudah tamat malam tadi (31 Oktober), kerajaan masih bersimpati dengan nasib ribuan pendedatang yang masih gagal pulang.

Beliau berkata, sewaktu mesyuarat Jemaah Menteri minggu lalu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Menteri Dalam Negeri, sudah mengarahkan Ketua Setiausaha Parlimen kementerian, Datuk Samsuddin Osman dan Ketua Pengarah Imigresen, Datuk Aseh Che Mat supaya meninjau sendiri masalah dihadapi.

"Oleh kerana timbul pelbagai masalah, termasuk kesesakan di semua pintu keluar di negara ini, kerajaan bersetuju melanjutkan tempoh ini bagi memudahkan semua pihak," katanya dalam sidang akhbar di sini, malam tadi.

Tajol turut meninjau keadaan sesak di jeti Syahbandar di sini yang menjadi tumpuan ribuan rakyat Indonesia untuk pulang sejak September lalu.

Bagaimanapun, Tajol menasihatkan semua pendedatang tanpa izin Indonesia supaya tidak menjadikan alasan pelanjutan tempoh itu, untuk berada lebih lama di negara ini.

Katanya, kerajaan berharap dengan pelanjutan tempoh itu juga, lebih ramai pendedatang Indonesia dapat pulang ke negara mereka dengan lebih selesa.

Bagaimanapun, beliau tidak dapat memberikan jumlah sebenar pendedatang tanpa izin Indonesia yang masih berada di negara ini.

Dalam pada itu, Tajol turut memberi amaran kepada pengusaha bot supaya tidak menjual tiket terbuka (tanpa tarikh) kerana perbuatan itu menyusahkan pendedatang yang berebut-rebut untuk pulang.

"Penjualan tiket terbuka ini menyebabkan berlakunya `siapa cepat dia dapat' di kalangan pendedatang yang mahu pulang," katanya.

Menurut Tajol, beliau juga berterima kasih kepada jabatan imigresen kerana sanggup bertugas sehingga jam 3 pagi bagi menguruskan proses penghantaran pulang.

(END)